

TAHAP KEFAHAMAN DAN PELAKSANAAN
KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI
(KBAT) GURU BAHASA CINA
SEKOLAH MENENGAH

ALEX TAN SIAW WEI

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021

TAHAP KEFAHAMAN DAN PELAKSANAAN
KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI
(KBAT) GURU BAHASA CINA
SEKOLAH MENENGAH

ALEX TAN SIAW WEI

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT
UNTUK MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI BAHASA MODEN DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021

UPSVIPS-3/BO 32
Pind : 00 m/s: 1/1

Sila tanda (✓)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 13 OGOS 21
.....(hari bulan)..... (bulan) 20.....

i. Perakuan pelajar :

Saya, ALEX TAN SIOW WEI , M20151000069 , FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI (SILA
NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa
disertasi/tesis yang bertajuk TAHAP KEFAHAMAN DAN PELAKSANAAN
KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI (KBAT) GURU BAHASA CINA SEKOLAH MENENGAH

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana
hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi
maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula
daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan
dengan seelastnya dan secukupnya


Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, DR NG MIEW HOON (NAMA PENYELIA) dengan ini
mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk TAHAP KEFAHAMAN DAN PELAKSANAAN
KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI (KBAT) GURU BAHASA CINA SEKOLAH MENENGAH

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut
Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (BAHASA CINA) (SILA NYATAKAN NAMA

IJAZAH).

16.08.2021

Tarikh


DR. NG MIEW HOON
Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris,
35900 Tanjong Malim, Perak

Tandatangan Penyelia

UPSI/IPS-3/BO 31
Pind.: 01 m/s:1/1
**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**
**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: TAHAP KEFAHAMAN DAN PELAKSANAAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI
(KBAT) GURU BAHASA CINA SEKOLAH MENENGAH

No. Matrik / Matric's No.: M20151000069

Saya / I : ALEX TAN SIAW WEI
 (Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
 acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☒ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**
DR. NG MIEW HOON

Pensyarah Kanan

 Fakulti Bahasa dan Komunikasi
 Universiti Pendidikan Sultan Idris,
 35900 Tanjong Malim, Perak

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

 (Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
 & (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

 Tarikh: 16.08.2021

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.

PENGHARGAAN

Dalam pengalaman selama 16 tahun sebagai seorang guru Bahasa Cina di sekolah menengah, saya telah membuat keputusan untuk menerokai cabaran baharu bagi memajukan perkembangan profesion saya dengan memohon pelajar siswazah dalam perkhidmatan. Pada tahun 2015, saya berjaya mendapat tawaran melanjutkan pelajaran dalam Ijazah Sarjana Pendidikan (Bahasa Cina) di Universiti Pendidikan Sultan Idris. Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada Dr Ng Miew Hoon, selaku penyelia utama saya atas bimbingan, nasihat dan sokongan yang diberikan dalam usaha penghasilan tesis ini. Selain itu, terima kasih juga tidak terhingga kepada Prof. Madya Dr Lin Chia Ying, selaku penyelia bersama saya atas kesudian dalam memberi bimbingan sepanjang tempoh pengajian ini. Di samping itu, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Pendidikan Selangor (JPNS) dan Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JPNWPKL) kerana telah memberi sokongan penuh dalam menjalankan penyelidikan ini dan memudahkan proses untuk mengumpulkan data. Oleh kerana saya melanjutkan pengajian ini secara separuh masa, sokongan yang diberi oleh pihak sekolah adalah amat penting dan dihargai. Saya juga tidak lupa mengucapkan terima kasih kepada rakan seperjuangan saya iaitu Chuah Kee Ping, Phang Kong Jan dan Mah Zhi Jian yang banyak memberi bantuan, cadangan, serta nasihat dalam menyempurnakan kajian ini. Akhir sekali, saya juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada ibu bapa yang dikasihi kerana sentiasa memberi sokongan moral kepada saya dalam menerokai cabaran kehidupan baharu di dunia akademik. Semoga penyelidikan ini dapat dijadikan sebagai bahan rujukan yang penting dalam pendidikan, khususnya untuk pengajaran dan pembelajaran dalam bahasa cina sekolah menengah.

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti tahap kefahaman dan pelaksanaan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam pembelajaran dan pemudahcaraan guru Bahasa Cina sekolah menengah di negeri Selangor. Seramai 183 orang guru Bahasa Cina daripada 147 buah sekolah menengah di Selangor menjadi responden kajian. Kajian ini merupakan gabungan kuantitatif dan kualitatif dengan menggunakan borang soal selidik dan temu bual sebagai metodologi dalam kajian ini. Analisis deskriptif dilaksanakan untuk melihat nilai min, sisihan piawai, kekerapan dan peratusan bagi mengenal pasti tahap kefahaman dan pelaksanaan penerapan KBAT guru-guru Bahasa Cina di sekolah menengah. Hasil kajian menunjukkan bahawa tahap pemahaman dan pengetahuan guru terhadap KBAT yang semakin tinggi akan memberi kesan yang positif dalam pelaksanaan KBAT dalam kalangan guru Bahasa Cina di sekolah menengah. Ini dapat dibuktikan melalui analisis statistik deskriptif dengan skor min purata 3.70 bagi tahap kefahaman guru terhadap KBAT manakala skor min bagi aspek pelaksanaan penerapan KBAT dalam PdPc di bilik darjah adalah 3.75. Kesimpulan kajian menunjukkan tahap kefahaman guru terhadap KBAT yang tinggi akan mendorong usaha seseorang guru menggunakan kaedah pedagogi yang pelbagai serta kreatif untuk meningkatkan KBAT dalam kalangan murid dan secara tidak langsung dapat meningkatkan keberkesanan pelaksanaan KBAT di bilik darjah. Pelaksanaan KBAT merentasi mata pelajaran Bahasa Cina memerlukan pemantauan dari semasa ke semasa untuk menjamin keberkesanan pelaksanaan KBAT dalam PdPc Bahasa Cina di sekolah menengah. Implikasi kajian menunjukkan bahawa tahap pelaksanaan KBAT dalam PdPc Bahasa Cina di sekolah menengah adalah pada tahap tinggi dan pendedahan kursus mengenai KBAT telah menunjukkan keberkesanan dalam usaha menyalurkan dasar baharu kepada para guru.

Kata Kunci: Bahasa Cina sekolah menengah, guru, kemahiran berfikir aras tinggi, pengajaran dan pemudahcaraan

INVESTIGATION ON CHINESE LANGUAGE SECONDARY SCHOOL TEACHER'S LEVEL OF UNDERSTANDING AND THE IMPLEMENTATION OF HOTS

ABSTRACT

This research is to identify the level of understanding and the implementation of Higher Order Thinking Skills (HOTS) in teaching and learning process among 183 Selangor's teachers of the secondary school in Chinese Language as respondents. The instruments of this research is using questionnaires and interviews. Mean, standard deviation, frequency and percentage by descriptive analysis is to identifying the level of understanding and the implementation of HOTS among Chinese Language teachers. The findings of the research showed that teachers' level of understanding and knowledge towards HOTS will bring positive impacts in the implementation of HOTS. This was proven by the mean score of 3.70 in teachers' level of understanding. The mean score for implementing HOTS in classroom is 3.75. Besides, findings showed that teachers' high level of understanding in HOTS will encourage them to use different types of pedagogies creatively to instill pupils' interest in promoting higher order thinking skills. Conclusion of the study showed that teachers' understanding of HOTS will encourage a teacher to use various and creative pedagogical methods in order to improve HOTS among students and indirectly increase the effectiveness of HOTS implementation in the classroom. Meanwhile, the implementation of HOTS in Chinese Language requires monitoring from time to time to ensure the effectiveness of the implementation of HOTS in PdPc in secondary schools. The implications of the study showed that the level of implementation of HOTS at high level in Chinese PdPc in secondary schools and the exposure on HOTS has shown effectiveness in channeling new policies to teachers.

Keywords: Secondary School Chinese Language teachers, higher order thinking skills, teaching and learning

KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi
SENARAI LAMPIRAN	xvii
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar belakang kajian	7
1.3 Pernyataan Masalah	16
1.4 Kerangka Konseptual	21
1.5 Objektif Kajian	22
1.6 Soalan Kajian	22

1.7	Kepentingan Kajian	23
1.8	Batasan Kajian	26
1.9	Definisi Operasional	27
1.10	Rumusan	30

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	31
2.2	Teori dan Konsep yang berkaitan	
2.2.1	Teori Konstruktivisme	38
2.2.2	Teori Perkembangan Kognitif	40
2.2.3	Hubungan di antara KBAT dalam Kurikulum bahasa Cina	41
2.2.4	Pemupukan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi	46
2.3	Kajian-kajian yang Berkaitan	
2.3.1	Tinjauan Kajian-kajian Berkaitan di Luar Negara	60
2.3.2	Tinjauan kajian-kajian Berkaitan di Dalam Negara	75
2.4	Kesimpulan	79

BAB 3 METODOLOGI

3.1 Pengenalan	80
3.2 Reka Bentuk Kajian	81
3.3 Populasi dan Sampel	81
3.4 Instrumen Kajian	
3.4.1 Borang Soal Selidik	86
3.4.2 Temubual	88
3.5 Kajian Rintis	89
3.6 Prosedur Pengumpulan Data	91
3.7 Kesahan dan Kebolehpercayaan	93
3.8 Soal Selidik	94
3.9 Analisis Data	100
3.10 Rumusan	113

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan	116
4.2 Dapatan Kajian	116
4.3 Analisis Statistik Deskriptif	124

4.3.1	Bahagian A : Tahap Kefahaman Guru terhadap Pendekatan Pengajaran Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT).	125
4.3.2	Bahagian B : Tahap Kefahaman Guru terhadap nilai dan Kepentingan Pengajaran Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Pengajaran.	128
4.3.3	Bahagian C : Tahap Penerapan Pengajaran Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)	131
4.3.4	Bahagian D: Tahap Kefahaman Guru Terhadap Sokongan Kurikulum dan Sekolah.	137
4.3.5	Bahagian E: Tahap Strategi Pengajaran yang diamalkan oleh Guru.	141
4.3.6	Bahagian F: Sikap Guru yang mengalakkan pemikiran murid	149
4.4	Perbandingan Konstruk	145
4.5	Analisis Temubual	150
4.6	Rumusan	158

BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pendahuluan	162
5.2	Perbincangan dan Implikasi	162
5.3	Implikasi Dapatan Kajian	173
5.4	Cadangan- cadangan Pelaksanaan Penerapan KBAT Bahasa Cina dalam PdPc bilik darjah	174
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	185
5.6	Kesimpulan	186

SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
2.1 Aras Kemahiran Domain Kognitif Taksonomi Bloom	33
2.2 Hirarki Anderson (2001)	33
2.3 Dimensi Proses Kognitif (Anderson rt al.2001)	34
2.4 Pentakrifan KBAT KPM	37
3.1 Populasi dan Sampel	83
3.2 Populasi dan Sampel Kajian Rintis	91
3.3 Skala Persetujuan Cohen Kappa	95
3.4 Data Skala Persetujuan Aspek Penilaian Penilai	95
3.5 Data Nilai Setiap Item Borang Soal Selidik Bahagian A	96
3.6 Data Nilai Setiap Item Borang Soal Selidik Bahagian B	97
3.7 Data Nilai Setiap Item Borang Soal Selidik Bahagian C	97
3.8 Data Nilai Setiap Item Borang Soal Selidik Bahagian D	98
3.9 Data Nilai Setiap Item Borang Soal Selidik Bahagian E	99
3.10 Data Nilai Setiap Item Borang Soal Selidik Bahagian F	100
3.11 Jenis sekolah, pengalaman mengajar, kelulusan akademik, kelulusan Ikhtisas dan pendedahan kursus KBAT dalam pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Cina di sekolah menengah.	101

3.12	Interprestasi Tahap Kefahaman dan Pelaksanaan KBAT berdasarkan Interpretasi Oxford (1990)	102
3.13	Tahap Kefahaman Guru terhadap Pendekatan Pengajaran KBAT	103
3.14	Tahap Kefahaman Guru terhadap Nilai dan Kepentingan Pengajaran KBAT dalam Pengajaran	104
3.15	Tahap Penerapan Pengajaran Kemahiran Berfikir Aras Tinggi	107
3.16	Tahap Kefahaman Guru terhadap Sokongan Kurikulum dan Sekolah	109
3.17	Tahap Strategi Pengajaran yang diamalkan oleh Guru	111
3.18	Sikap Guru yang Mengalakkan Pemikiran Murid	113
3.19	Analisis Keseluruhan Kajian Rintis	114
4.1	Interprestasi Skor Min	124
4.2	Nilai Skor Min dan Sisihan Piawai bagi Setiap Item Tahap Kefahaman Guru terhadap Pendekatan Pengajaran KBAT	127
4.3	Nilai skor min dan sisihan piawai bagi setiap item tahap kefahaman guru terhadap nilai dan kepentingan pengajaran Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam pengajaran.	131
4.4	Nilai skor min dan sisihan piawai bagi setiap item tahap penerapan pengajaran Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)	136
4.5	Nilai skor min dan sisihan piawai bagi setiap item tahap kefahaman guru terhadap sokongan kurikulum dan sekolah.	140
4.6	Nilai skor min dan sisihan piawai bagi setiap item tahap strategi pengajaran yang diamalkan oleh guru.	144

4.7	Nilai skor min dan sisihan piawai bagi setiap item sikap guru yang mengalakkan pemikiran murid	148
4.8	Konstruk dalam item-item soal selidik	150
4.9	Transkripsi Temu Bual	151
4.10	Penentuan Kod	157

SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Konseptual Kajian	21
2.1 Kemahiran Berfikir KSSM	36
4.1 Taburan Respoden Mengikut Daerah Di Seluruh Negeri Selangor	118
4.2 Taburan Respoden Mengikut Pengalaman Mengajar	119
4.3 Taburan Respoden Mengikut Pengalaman Mengajar Bahasa Cina	120
4.4 Taburan Respoden Mengikut Kelulusan Akademik	121
4.5 Taburan Respoden Mengikut Kelulusan Ikhtisas	122
4.6 Taburan Respoden Mengikut Pendedahan Kursus KBAT	123

SENARAI SINGKATAN

BPK	Bahagian Pembangunan Kurikulum
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSSM	Kurikulum Standart Sekolah Menengah
LPM	Lembaga Peperiksaan Malaysia
PdPc	Pembelajaran dan Pemudahcaraan



BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Kebelakangan tahun ini, dunia berubah secara pantas, manusia telah menjejak era baharu dari zaman industri ke era ilmu pengetahuan. Proses globalisasi dan informasi yang semakin pesat ekoran daripada perubahan teknologi moden telah mengubah cara pemikiran dan tingkah laku manusia. Era ini mempunyai ciri-ciri berikut:

(a) Globalisasi

Sejak awal abad baharu ini, hubungan antara negara-negara di dunia semakin dekat dan kerjasama globalisasi semakin kerap. Dalam gelombang globalisasi ekonomi ini, persaingan antarabangsa memerlukan sejumlah besar bakat globalisasi yang mempunyai kemampuan untuk melakukan pertukaran, dialog, komunikasi secara mendalam di peringkat antarabangsa dan mempunyai semangat keserasian dan keterangkuman serta dapat terus belajar dan menyerap budaya dan pengetahuan yang





maju. Para mazhab di dalam dan di luar negara telah menafsirkannya dari sudut yang berbeza. Stephens (2009) menegaskan bahawa bakat antarabangsa harus memiliki keupayaan pengetahuan merentasi budaya, termasuk pemikiran kreatif, kemahiran komunikasi secara bertulis dan bertutur agar menggunakan keupayaan ini untuk berbahasa, budaya, pekerjaan dan kehidupan.

(b) Maklumat

Internet secara tidak langsung telah menerokai pelbagai bidang dan menjejak era "Internet +". Dalam era peningkatan eksponen dalam jumlah maklumat dan ledakan teknologi maklumat yang pesat, tidak mungkin orang mengingat semua maklumat yang diperlukan pada masa akan datang. Kerja-kerja ingatan dan pengambilan semula boleh dilakukan oleh teknologi maklumat. Manusia telah mengurangkan beban pengetahuan dan ingatan dan sebaliknya apa yang perlu dilaksanakan oleh seseorang individu adalah untuk memproses maklumat ini. Di samping itu, dalam dunia maklumat ini, manusia perlu ketahui bagaimana untuk mengenal pasti maklumat dari pelbagai sumber di Internet, memeriksa, menganalisis dan menggunakan maklumat ini secara bijak.

(c) Teknologi

Pengetahuan sains dan teknologi manusia berkembang berkali ganda setiap 50 tahun pada abad ke-19, berkembang berkali ganda setiap 10 tahun pada pertengahan abad ke-20, dan kini berkembang berkali ganda setiap 3-5 tahun. Trend pertumbuhan pengetahuan manusia telah berkembang dengan pesat. Sebelum tamat satu pusingan





baharu revolusi saintifik dan teknologi global serta transformasi perindustrian, inovasi sains dan teknologi pula timbul dengan cepat, integrasi dan meluas dalam semua aspek masyarakat manusia. Sains dan teknologi yang canggih telah menjadi kuasa utama untuk membentuk semula struktur dunia dan mewujudkan masa depan umat manusia. Contohnya seperti keselamatan makanan diubahsuai secara genetik telah menjadi topik hangat dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Akhirnya, satu siri soalan seperti sama ada makanan diubahsuai secara genetik boleh diambil dengan selamat, bagaimana perspektif orang ramai terhadap makanan yang diubah suai secara genetik dan bagaimana ilmu saintifik diterapkan dalam kehidupan seharian manusia perlu ditinjau. Jawatankuasa Jabatan Buruh Persekutuan Amerika Syarikat telah mengkaji perubahan kemahiran kerja dan keperluan kerja sejak akhir 1960-an. Mereka mendapati bahawa peratusan kerja pemikiran pakar dan kerja komunikasi yang rumit semakin meningkat, manakala kerja kognitif konvensional dan kerja manual telah menurun. Oleh itu, pasaran buruh hari ini memerlukan lebih banyak orang dengan keupayaan berfikir yang canggih. Dalam erti kata lain, untuk pekerja pada masa yang akan datang, mempunyai pengetahuan daripada memiliki keupayaan untuk belajar dan mentaksirkan maklumat adalah lebih penting.

(d) Cabaran perubahan masyarakat

Dunia menghadapi cabaran keamanan utama, seperti keganasan, penyebaran senjata nuklear, kemiskinan, dan penyebaran epidemik. Apakah sikap yang diperlukan untuk menghadapi masalah ini dan bagaimana menyelesaikan masalah merupakan cabaran yang serius kepada seluruh negara dan masyarakat. Perkembangan dan perubahan masyarakat manusia telah mencabar pembelajaran dan pendidikan. Pada masa lalu, kita



menganggap "membaca," "menulis," dan "menghitung" sebagai unsur yang paling asas dalam pendidikan asas, tetapi sekarang kita telah berpindah ke kerjasama, komunikasi, kreativiti dan pemikiran kritikal manakala dalam menuju ke arah era baharu kecekapan kebudayaan, pemikiran kritikal, kreativiti, komunikasi dan kolaborasi dititikberatkan. Untuk berjaya dalam ekonomi yang semakin kompetitif dan kehidupan rakyat sihat dan bahagia, semua orang terutama pelajar, mesti belajar bagaimana untuk berkomunikasi, berfikir secara mendalam dan membuat penilaian rasional, dan menggunakan data besar untuk menyelesaikan masalah yang rumit. Oleh itu, proses pembelajaran pelajar mestilah penuh dengan pemikiran dan kreativiti. Mereka tidak harus meletakkan terlalu banyak penekanan pada ingatan dan pembacaan pengetahuan tradisional semata-mata sebaliknya penanaman kemahiran berfikir aras tinggi yang harus diberi penekanan utama dalam pembelajaran dan pemudahcaraan di bilik darjah.

Dalam abad ke 21 yang semakin sengit dan mencabar, sistem pendidikan tradisional yang berpusat kepada pengajaran guru adalah tidak lagi sesuai untuk mendidik murid-murid pada zaman moden ini. Justeru, pendekatan dan strategi baharu adalah sangat penting dalam transformasi ini untuk memastikan setiap murid dapat menguasai kemahiran abad ke-21 dalam dunia globalisasi.

Pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025 adalah perancangan yang sistematik dan tepat pada masanya untuk memberi impak positif dalam sektor pendidikan di negara Malaysia. Pelaksanaan sistem pendidikan baharu adalah amat diperlukan untuk melonjakkan pencapaian murid di seluruh Malaysia.

Transformasi pendidikan ini merangkumi 11 anjakan untuk membolehkan guru-guru dapat menghubungkan pelbagai ilmu dengan mencipta ilmu yang baharu bagi memastikan semua murid mengetahui teknik memperolehi ilmu pengetahuan sepanjang hayat. Kemahiran kognitif seperti penaakulan dan pemikiran kritis, kreatif, serta inovatif perlu dikuasai oleh murid-murid agar mereka dapat mengaplikasi ilmu pengetahuan dan berfikir secara kritis di luar konteks akademik. (PPPM, KPM 2013)

Kurikulum Bahasa Cina Sekolah Menengah telah digubal semula selaras dengan transformasi kurikulum sekolah rendah yang mula digunakan pada tahun 2011. Komunikasi interpersonal, berfikir dan nilai merupakan tiga bidang kemahiran baru yang terkandung dalam sukatan pelajaran Bahasa Cina dan mula dilaksanakan pada awal 2003. Menurut Abdullah Hassan (2004) sukatan pelajaran lama yang hanya mengajar tatabahasa dan terpulang kepada murid tersebut menggunakan bahasa menurut tafsiran sendiri menyebabkan murid-murid kurang menguasai ketiga-tiga kemahiran baru ini.

Menurut Profesor D. Perkins Kemahiran berfikir aras tinggi adalah kemahiran yang boleh diajar dan dilatih. Beliau berpendapat bahawa kemahiran berfikir merupakan kemahiran yang dikurniakan oleh tuhan dan dimiliki oleh semua orang secara semula jadi. Tahap tinggi terhadap kemahiran berfikir seseorang itu merupakan hasil daripada latihan atau penggunaan minda seseorang itu dalam kehidupan harian. Murid-murid dapat mempelajari kemahiran berfikir aras tinggi melalui sistem pendidikan yang berfokus kepada pemikiran serta sokongan daripada pelbagai pihak yang menggalakkan kemahiran berfikir aras tinggi dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan di sekolah.



Penguasaan bahasa murid-murid seharusnya dapat mengaplikasikan maklumat dalam genre, menyampaikan idea mereka dalam pelbagai bentuk, meningkatkan kosa kata, ungkapan, penggunaan tatabahasa dan laras bahasa yang sesuai manakala dari segi penguasaan tatabahasa yang baik dapat membantu murid berkomunikasi dengan menggunakan sistem bahasa yang betul dan tepat serta menghasilkan penulisan yang berkualiti, kritis dan kreatif. Dalam aspek seni bahasa pula, keindahan bahasa Cina melalui pelbagai teknik kemahiran bahasa yang santai dan menyeronokkan merupakan fokus utama agar melahirkan murid yang dapat mengapresiasi, menghayati, menikmati, mencipta dan mempersembahkan karya dalam pengucapan yang kreatif.

Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa dalam sistem pendidikan masa kini, para murid seharusnya dapat memberi idea, fikiran dan pendapat dengan jelas, objektif, kreatif, rasional dalam pelbagai situasi dan bukan hanya menerima pengetahuan semata-mata. (Pusat Perkembangan Kurikulum, 1989:hlm.5)

Oleh yang demikian, kaedah pengajaran guru perlu diubahsuai selaras dengan penerapan kemahiran berfikir aras tinggi demi memenuhi hasrat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia. Dengan itu, guru-guru harus menguasai kemahiran pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian dan identiti kenegaraan agar mereka dapat bersaing dalam dunia globalisasi.



1.2 Latar Belakang Kajian

Kerajaan-kerajaan di semua negara dalam dunia ini amat mementingkan penanaman kemahiran berfikir aras tinggi ekoran daripada pembangunan ekonomi yang pesat dan peningkatan intensiti persaingan di peringkat antarabangsa. Bakat seseorang individu memainkan peranan yang sangat penting dalam pembangunan negara. Negara-negara di dunia meletakkan pembangunan pendidikan sebagai strategik utama dalam pembangunan negara. Mereka telah melancarkan reformasi pendidikan demi meningkatkan kualiti pendidikan. Dari segi pembaharuan pendidikan, walaupun terdapat perbezaan yang berlainan dalam pendidikan di antara negara-negara di dunia, tetapi perkembangan keupayaan berfikir aras tinggi pelajar boleh dikatakan mendapat persetujuan bersama bagi mengejar reformasi pendidikan dan pembangunan di negara-negara tersebut. Pelaksanaan kemahiran berfikir aras tinggi pelajar dianggap sebagai matlamat utama pendidikan bagi negara-negara di seluruh dunia.

Amerika Syarikat mengutamakan kepentingan keupayaan berfikir aras tinggi sejak pada tahun 1961. Lembaga Pendidikan Dasar Amerika Syarikat menyatakan dalam buku berjudul “Objektif Utama Pendidikan Amerika”: Objektif utama dalam sistem pendidikan adalah memupuk kemahiran berfikir aras tinggi di kalangan para pelajar yang mengatakan bahawa dalam hal apa pun, kemahiran berfikir aras tinggi adalah objektif yang paling penting dalam pendidikan dan ia harus menjadi perhatian umum di peringkat sekolah.”Lembaga Pendidikan Amerika (Suruhanjaya Pelajaran Negeri-negeri) Pada tahun 1982, mencadangkan “aplikasi”, “analisis”, “komprehensif”, “penilaian”, “pemikiran kritikal”, “kerjasama”, “pemikiran kreatif”, “menyelesaikan masalah”, “membuat keputusan” merupakan kemahiran asas pada masa yang akan datang.



Untuk memenuhi keperluan kemahiran tenaga buruh pada abad ke-21, Jabatan Buruh Amerika Syarikat telah menubuhkan sebuah jawatankuasa untuk mengenal pasti kemahiran yang diperlukan oleh pemuda di pasaran pekerjaan bagi mencapai kejayaan. Pada tahun 1991, jawatankuasa itu mengeluarkan pekeliling “Keperluan pasaran pekerjaan terhadap pendidikan sekolah”, mencadangkan petunjuk literasi asas untuk pelajar iaitu kemahiran asas, pemahaman pemikiran dan kualiti individu. Di antara mereka, keupayaan pemikiran kreatif, membuat keputusan, menyelesaikan masalah, penaakulan, imaginasi, dan sikap ingin belajar dikemukakan dalam dimensi “pemikiran celik huruf”. Amerika Syarikat secara rasminya melancarkan Projek Penyelidikan Kemahiran Abad ke-21 pada tahun 2002 untuk mempromosikan sistem pendidikan Amerika untuk menghasilkan pelajar dengan pengetahuan dan kemahiran agar menghadapi cabaran perubahan zaman. Matlamat pembelajaran “pembelajaran literasi inovasi”, “maklumat, media dan literasi teknologi”, “kehidupan dan literasi profesional” telah dikemukakan dan tumpuan diberi kepada latihan kreativiti pelajar, pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah.

Presiden ke-44 Amerika Syarikat iaitu Barack Obama pernah berkata, “Saya menyeru pihak berkuasa pendidikan dan sekolah untuk membangunkan piawaian penilaian abad ke 21. Piawaian-piawaian ini bukan ukuran mudah sama ada pelajar mampu menjawab soalan dalam peperiksaan, tetapi menguji pelajar sama ada mereka mempunyai Kemahiran Abad -21.”

Konsep kemahiran teras telah diperkenalkan dalam komuniti pendidikan United Kingdom pada akhir 1970-an. Selepas beberapa dekad pembangunan,



kemahiran teras telah membentuk sistem yang lengkap, dan telah menjadi kemahiran yang paling banyak digunakan dan disasarkan dalam pelbagai jalur profesional seperti pendidikan akademik, pendidikan vokasional di United Kingdom. Kemahiran dan piawaian ini secara beransur-ansur digambarkan dalam standard penilaian pendidikan negara terhadap sekolah rendah dan menengah.

Pada tahun 1993, United Kingdom menubuhkan Badan Standard Pendidikan buat kali pertama dan merumuskan Manual Penyeliaan Sekolah, yang menjelaskan kandungan penyeliaan dan penilaian sekolah. Antaranya, “pemerhatian, pemahaman, komunikasi dan keupayaan ekspresi, keupayaan untuk bertanya dan menyelesaikan masalah, keupayaan untuk menggunakan pengetahuan secara fleksibel” sebagai salah satu daripada kandungan kajian kualiti pelajar. United Kingdom melancarkan “Literasi Teras di Abad Ke-21-Menyedari Potensi” (The National Curriculum in England: Framework Document) pada tahun 2003, memperincikan literasi teras yang harus dikuasai oleh pelajar di sekolah menengah, termasuk kemahiran komunikasi, kemahiran aplikasi digital, kemahiran teknologi maklumat, meningkatkan pembelajaran dan prestasi dan menyelesaikan masalah serta kerjasama antara pelajar.

Kementerian Pendidikan British mengeluarkan “Kurikulum Kebangsaan di England: Rangka Kerja Dokumen” pada bulan Disember 2014. Dalam mata pelajaran matematik, keperluan pembelajaran matematik pelajar ialah mencerminkan kemampuan berfikir secara aras tinggi seperti pembelajaran matematik, melalui beberapa pertanyaan, kesimpulan hubungan, generalisasi, menggunakan bahasa matematik mengemukakan hujah, argumen, atau bukti. Kemampuan menyelesaikan masalah matematik dan menerapkan pengetahuan matematik mereka kepada topik

rutin. Ini termasuk meningkatkan kesukaran menyelesaikan masalah melibatkan memecahkannya ke dalam beberapa langkah mudah dan menegaskan penyelesaian.

Di peringkat pelaksanaan kurikulum, terutama dalam pembangunan kurikulum berasaskan sekolah, kerangka rujukan utama adalah Rangka Kerja Kompetensi Fikiran Pembukaan Masyarakat Diraja untuk Dorongan Seni (Royal Society for the Encouragement of Art, Manufactures and Commerce, RSA).

Kerangka ini meliputi lima dimensi: literasi kewarganegaraan, literasi pembelajaran, literasi pengurusan maklumat, literasi hubungan interpersonal, dan literasi pengurusan keadaan. “Penaakulan” iaitu pelajar belajar untuk mengesan dan menilai secara sistematik dan mengetahui cara menerapkan pengetahuan ini. “Penyelidikan” iaitu boleh membangunkan satu siri akses maklumat, teknik penilaian dan pengenalan maklumat, belajar bagaimana menganalisis, Mengintegrasikan dan menggunakan teknologi ini. “Refleksi” iaitu pelajar menyedari betapa pentingnya refleksi dan boleh membuat pertimbangan kritikal dan belajar bagaimana melakukannya dan “Pemikiran inovati” iaitu pelajar menegetahui keusahawanan dan inisiatif, dan bagaimana kapasiti pembangunan di kawasan ini merupakan kandungan utama. Lebih daripada 200 buah sekolah di United Kingdom telah mengamalkan kerangka berfikir secara terbuka sebagai rujukan asas untuk melaksanakan kursus-kursus literasi.

Singapura merupakan negara jiran yang terdekat serta salah satu negara yang bertaraf antarabangsa di dunia juga memberi perhatian kepada penanaman kemahiran

berfikir aras tinggi. Pada tahun 2009, Singapura melancarkan “Pencapaian Pendidikan Ideal”, yang mencadangkan empat matlamat pemupukan pelajar dan pembaharuan kurikulum.

Pada tahun 2010, Kementerian Pendidikan Singapura memperkenalkan “Rangka Kerja Literasi Abad ke-21”, yang mempunyai 3 lapisan, lapisan kedua adalah keupayaan intelek sosial dan emosi, termasuk kesedaran diri, pengurusan diri, keputusan sendiri, kesedaran sosial dan pengurusan hubungan interpersonal. Lapisan ketiga merupakan tahap literasi abad ke-21, termasuk literasi sivik, kesedaran global, literasi budaya, pemikiran kritis dan inovatif, komunikasi, kerjasama, dan literasi maklumat. Antaranya pemikiran kritikal dan inovatif termasuk penaakulan dan membuat keputusan, pemikiran refleksi, rasa ingin tahu dan kreatif, serta keupayaan untuk menangani masalah yang rumit.

Kementerian Pendidikan Singapura juga telah menyesuaikan piawaian kurikulum. Untuk melaksanakan cadangan Jawatankuasa Kajian Kurikulum Bahasa Ibunda, Kementerian Pendidikan telah menyemak semula standard kurikulum Bahasa Cina sekolah rendah untuk meningkatkan lagi keberkesanan pengajaran kurikulum Bahasa Cina. Pada tahun 2015, penataran Kurikulum Piawaian Bahasa Cina Sekolah Rendah telah dilaksanakan dengan menitikberatkan penanaman kemahiran bahasa, kemanusiaan dan penggunaan bahasa. Kemahiran penggunaan bahasa merujuk kepada keupayaan asas pelajar untuk memperoleh pengetahuan, membina pengetahuan, mengaplikasikan pengetahuan, menganalisis dan menyelesaikan masalah, termasuk keupayaan berfikir, keupayaan belajar sendiri, kemahiran sosial dan keupayaan pengurusan emosi, kemahiran aplikasi teknologi maklumat dan kemahiran komunikasi

budaya. Kemampuan berfikir merujuk secara khusus kepada “imajinasi, kreativiti, dan kemampuan berfikir kritis, serta keupayaan untuk menganalisis dan menyelesaikan masalah.”

Merujuk kepada pembaharuan pendidikan dan pembangunan di negara-negara tersebut, sama ada kreativiti, pemikiran kritikal, penyelesaian masalah yang dicadangkan oleh kerajaan Amerika Syarikat, penaakulan, penyelidikan, refleksi, pemikiran inovatif dalam dokumen-dokumen dasar kerajaan British, atau pemikiran dan membuat keputusan dan refleksi dari kerajaan Singapura semua adalah tergolong dalam kategori kemahiran berfikir aras tinggi. Oleh yang demikian, pembaharuan standard kurikulum di negara-negara ini telah mencerminkan betapa pentingnya kemahiran berfikir aras tinggi dalam pembaharuan sistem pendidikan pada abad ke 21.

“Pendidikan di Malaysia ialah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.” (Akta Pendidikan, 1996)

Pelaksanaan tranformasi pendidikan berhasrat mempertingkatkan sistem pendidikan dalam tempoh 13 tahun dengan lima aspirasi sistem dan enam aspirasi

murid yang merupakan pemangkin untuk mencapai kecemerlangan pendidikan negara di masa hadapan bagi menyasarkan kualiti pendidikan negara. (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025).

Dalam usaha Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk melaksanakan tranformasi sistem pendidikan di negara ini, pentaksiran antarabangsa seperti TIMSS dan PISA telah diletakkan dalam negara kelompok sepertiga teratas dalam jangka masa 15 tahun (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025). Oleh itu, pengetahuan dan kemahiran baru kaedah pedagogi yang selaras dengan perkembangan abad ke-21 serta kemahiran berfikir yang merentas semua disiplin ilmu dalam kalangan murid perlu diberi keutamaan oleh para pendidik.

Di bawah PPPM, guru-guru diberi sokongan dalam bentuk Pembangunan Profesionalisme Berterusan (CPD), Latihan dalam Perkhidmatan (LDP) dan bantuan daripada *school improvement specialist coaches* (SISC+) dalam usaha mengaplikasi KBAT dalam Pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc). Pengetahuan dan kemahiran KBAT guru dapat dipertingkatkan melalui program Professional Learning Community (PLC) untuk saling meninjau atau membuat refleksi terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan di bilik darjah daripada pembelajaran akses sendiri.

Penekanan pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) di bilik darjah dengan menggunakan pelbagai bahan yang menarik secara didik hibur bagi semua kemahiran dan aspek ini dapat merangsang dan membantu murid menguasai dan menghayati pembelajaran bahasa dengan lebih berkesan.

Pendedahan awal kemahiran berfikir aras tinggi dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan merupakan asas kepada murid-murid untuk melahirkan generasi yang mampu berfikir. Penerapan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam kalangan murid agar mereka mampu mengaplikasi pengetahuan dan pengalaman dalam kehidupan seharian. (Ambotang, 2014)

Untuk memperkukuhkan dan memperkasakan kemahiran berfikir murid agar murid bukan sekadar menghafal tetapi memahami apa yang dipelajari, kerajaan telah berusaha untuk melaksanakan KBAT dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) agar melahirkan generasi muda yang dapat berfikir, membuat kesimpulan , refleksi serta dapat mengaplikasikan pengetahuan tersebut dalam situasi sebenar (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2014)

Jika ditinjau dari sudut makro, pengajaran kemahiran berfikir aras tinggi dapat disalurkan melalui pendidikan negara kita dalam dua cara. Pertama, mendidik kemahiran berfikir aras tinggi sebagai mata pelajaran khusus. Kedua, mendidik kemahiran berfikir aras tinggi merentasi mata pelajaran dan guru diberi mandat atau tanggungjawab untuk melatih murid-murid berfikir secara aras tinggi. Secara khususnya, cara yang kedua dimana menerapkan kemahiran berfikir aras tinggi melalui mata pelajaran yang dipelajari di peringkat sekolah merupakan kaedah yang paling berkesan. Secara tidak langsung, objektif pengajaran akan tercapai jika guru mementingkan penerapan kemahiran berfikir aras tinggi dalam pembelajaran dan pemudahcaraan di bilik darjah setiap hari.

Zhong (2004) berpendapat bahawa perkembangan keupayaan berfikir tidak boleh dipisahkan daripada sokongan pembelajaran. Dalam usaha memupuk kemahiran berfikir aras tinggi di kalangan murid-murid, kaedah umum yang digunakan untuk mengubah kaedah pengajaran tradisional ialah melalui penyelesaian masalah agar para murid dapat meneroka pengetahuan dan bukan menerima pengetahuan. Beliau percaya bahawa keupayaan kemahiran berfikir aras tinggi seseorang murid bukan dalam bentuk yang beku, tetapi fleksibel dan inovatif secara berterusan. Pengajaran kemahiran berfikir aras tinggi tidak boleh diajar secara berasingan, kerana ia berhubung rapat dengan subjek yang berkaitan. Jadi guru sebagai pelaksana harus dapat menerapkan kemahiran berfikir aras tinggi dengan sukatan mata pelajaran tertentu dalam membuat perancangan pengajaran dengan berorientasikan soalan KBAT dan menyeronokkan pembelajaran demi meningkatkan keupayaan kognitif, aplikasi dan inovasi murid.

Kementerian Pendidikan Malaysia telah membuat keputusan dalam usaha menerapkan kemahiran berfikir aras tinggi melalui kurikulum baharu merentasi semua mata pelajaran. Berdasarkan kajian-kajian berpendapat bahawa pengajaran kemahiran berfikir aras tinggi amat memerlukan sokongan daripada mod pembelajaran iaitu seperti pembelajaran berkumpulan, perbincangan, kajian kes, perwatakan, menyelesaikan masalah secara simulasi dan pelbagai aktiviti pembelajaran yang dapat mencungkil pemikiran murid. Oleh itu, jika pengajaran kemahiran berfikir aras tinggi tidak dilaksanakan dengan adanya sokongan persekitaran KBAT dalam pembelajaran murid, pelaksanaan kemahiran berfikir aras tinggi hanya akan menjadi teori semata-mata tanpa keberhasilanan.



Untuk meninjau secara mendalam keberkesanan pelaksanaan kemahiran berfikir aras tinggi dalam pembaharuan sistem pendidikan di negara ini, kajian ini akan menggunakan guru sebagai responden bagi menjalankan kajian. Kajian ini memilih guru sebagai responden kerana guru merupakan pelaksana utama dalam pembaharuan sistem pendidikan dan kurikulum baharu. Hanya dengan adanya kerjasama dan sokongan daripada guru, sesuatu pembaharuan itu dapat ditransformasikan daripada teori kepada tindakan dan seterusnya mencapai matlamat yang telah ditetapkan.

1.3 Pernyataan Masalah

Pembelajaran dan pemudahcara (PdPc) merupakan satu komponen yang amat penting untuk menentukan tahap penguasaan seseorang murid. Namun demikian, pihak berkuasa pendidikan dan guru-guru sering menghadapi masalah-masalah dalam usaha menjadikan murid mahir berbahasa.

Pelaksanaan kemahiran berfikir aras tinggi dalam kurikulum baharu KSSM yang bermula pada tahun 2015 telah menetapkan bahawa kemahiran berfikir aras tinggi merupakan komponen yang dititikberatkan atau diberi perhatian utama dalam sukatan pelajaran. Pemahaman guru terhadap kemahiran berfikir aras tinggi yang hanya pada peringkat teori tidak dapat membawa keberkesanan dalam perubahan proses pembelajaran di bilik darjah. Oleh itu, kajian-kajian tentang pelaksanaan kemahiran berfikir aras tinggi dalam pembelajaran dan pemudahcaraan di bilik darjah amat penting untuk membuat penilaian atau tinjauan terhadap keberkesanan pelaksanaannya demi membuat penambahbaikan.



Berdasarkan DSKP KSSM Bahasa Cina yang baharu, telah jelas menyatakan bahawa perkembangan dan peningkatan kemahiran berfikir merupakan tumpuan pengajaran Bahasa Cina di sekolah bagi menghadapi perubahan dalam kurikulum Bahasa Cina. Pemikiran kritikal dan kreatif serta aktiviti yang bertumpu kepada kemahiran berfikir aras tinggi dapat mempertingkatkan kualiti pembelajaran dalam Bahasa Cina.

Untuk mencapai matlamat ini, memahami ciri-ciri pemikiran secara aras tinggi, meneroka, strategi peningkatan kemahiran berfikir aras tinggi akan dapat meningkatkan kualiti profesional guru Bahasa Cina demi menjamin kualiti pengajaran Bahasa Cina di bilik darjah. Ia dapat dibahagikan kepada 2 perkara seperti berikut:

(a) Perubahan dalam kandungan pembelajaran Bahasa Cina

Perubahan kandungan pembelajaran dalam buku teks baharu dari satu artikel ke kumpulan teks, dari membaca secara tunggal berubah kepada membaca secara keseluruhan dan menulis pada aspek kebahasaan berubah kepada menulis pada aspek kesusasteraan yang estetik, indah dan halus agar murid-murid dapat membaca dengan lebih mendalam dan menulis secara spekulatif.

Dalam pengajaran membaca selalu menjadikan satu "teks" sebagai fokus utama. Meskipun buku teks diedit dalam pelbagai unit. Dengan adanya buku teks baharu, pembacaan teks itu telah berubah kepada pembacaan teks dalam unit. Ini bermakna isi kandungan teks yang sama tajuknya akan dikategorikan dalam satu unit dan murid-



murid perlu meluaskan pembacaan teks-teks dalam unit. Buku teks sekolah menengah Bahasa Cina telah meningkatkan kandungan bacaan teks secara kumpulan dalam bentuk unit.

Perubahan baharu juga berlaku dalam pengajaran penulisan. Dalam penulisan sekolah menengah, karangan jenis arahan merupakan pengajaran penulisan pada masa dahulu. Dalam kebelakangan tahun ini, karangan jenis soalan bebas telah menjadi fokus utama dalam peperiksaan SPM. Pengajaran penulisan sekolah menengah juga berubah secara beransur-ansur dari karangan berbentuk jenis arahan kepada karangan jenis soalan bebas. Komposisi bahan-bahan baru adalah terbuka dan terhad dan bahan-bahan yang diberikan adalah lebih spekulatif. Dalam pemeriksaan penulisan murid, pemeriksa lebih memberi perhatian terhadap pemikiran murid. Selain memupuk minat menulis, murid-murid secara beransur-ansur akan dapat mengembangkan kebolehan menulis daripada karangan berbentuk jenis arahan kepada jenis soalan bebas.

Ekoran daripada perubahan kandungan pembelajaran mata pelajaran Bahasa Cina, maka kaedah pembelajaran murid juga perlu berubah. Keadaan ini boleh ditinjau dari kemahiran membaca dan menulis memperkembangkan sehingga menyusunatur dan meneroka, dari pembelajaran satu tugas kepada pembelajaran pelbagai tugas.

Kandungan pembelajaran Bahasa Cina yang baharu telah mengubah cara pembelajaran bahasa Cina di peringkat sekolah. Dalam pembelajaran Bahasa Cina, selain kemahiran membaca, menghayati, memberi respon dan berkomunikasi, kemahiran menyusunatur dan meneroka sesuatu ilmu merupakan komponen yang baharu dalam pembelajaran murid. Penggunaan buku teks baharu yang mencadangkan





aktiviti seperti berita, syarahan, sajak, drama merupakan pembelajaran berasaskan inkuiri dimana murid perlu mencari dan menyelidiki sesuatu perkara secara sistematik, kritis dan analisis sehingga mendapat jawapannya dan guru memainkan peranan sebagai fasilitator untuk membimbing proses penerokaan dan refleksi.

Aktiviti tugas yang dicadangkan dalam buku teks baharu dapat mengintegrasikan kemahiran membaca, menulis, bertutur, pengumpulan data dan kajian kes telah membentuk sistem amalan pembelajaran secara komprehensif yang menginteraksikan kemahiran membaca dan menulis, mendengar dan bertutur, serta pembelajaran dari dalam bilik darjah ke luar bilik darjah bagi meningkatkan keupayaan murid dalam penguasaan Bahasa Cina.



jelas, langkah pembelajaran adalah jelas dan khusus dan menekankan pengalaman pembelajaran dalam situasi sebenar untuk membangunkan pembelajaran inkuiri, koperatif, dan akses sendiri. Pembelajaran ini mempunyai strategi pengajaran dan pembelajaran yang sistematik dan membawa keberkesanan.

(b) Kurikulum bahasa Cina yang kompleks

Berdasarkan DSKP KSSM, kurikulum Bahasa Cina menjadi lebih kompleks dan memerlukan penglibatan kemahiran berfikir aras tinggi dalam pembelajaran dan pemudahcaraan di sekolah menengah.




Peningkatan dan pengemaskinian kandungan pembelajaran kurikulum Bahasa Cina telah menjadikan situasi pembelajaran mata pelajaran Bahasa Cina lebih rumit. Pembelajaran yang mendalam tidak dapat dihasilkan dengan menggunakan kaedah pembelajaran yang mudah. Sebaliknya pembelajaran mendalam dapat memenuhi keperluan sukatan baharu dengan bahan pengajaran yang baharu. Dalam pelaksanaan sukatan pelajaran yang baharu, PdPc perlu dijalankan di bawah bimbingan guru agar murid dapat menumpukan perhatian kepada pembelajaran yang lebih mencabar, berkesan dan menyeronokkan.

Pembelajaran mendalam memerlukan kemahiran berfikir aras tinggi, pemprosesan yang komprehensif, pemikiran abstrak multilayer, pemikiran yang berpusat, pemikiran kreatif dan pemikiran kritis. Kemahiran berfikir aras tinggi adalah ciri penting bagi pembelajaran mendalam. Kemahiran berfikir aras tinggi merujuk kepada keupayaan inovasi, kemampuan menyelesaikan masalah, kemampuan membuat keputusan, dan kemampuan berfikir secara kritis.

Jelaslah bahawa topik kajian mengenai pelaksanaan kemahiran berfikir aras tinggi dalam pengajaran Bahasa Cina di sekolah menengah adalah amat penting. Topik-topik kajian ini amat diperlukan untuk mengenalpasti masalah-masalah yang dihadapi dalam tempoh pelaksanaan kemahiran berfikir aras tinggi dalam PdPc Bahasa Cina sekolah menengah selama ini dan di harap hasil kajian sedemikian dapat membantu guru-guru Bahasa Cina sekolah menengah memperbaiki teknik PdPc Bahasa Cina dan memenuhi hasrat meningkatkan tahap penguasaan Bahasa Cina dalam kalangan murid-murid yang mengambil mata pelajaran elektif Bahasa Cina di sekolah menengah.

1.4 Kerangka Konseptual



Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Kajian

1.5 Objektif Kajian

Obejektif kajian ini adalah untuk :

- 1.5.1 Mengenal pasti tahap kefahaman guru Bahasa Cina terhadap KBAT berdasarkan lima kategori pengalaman mengajar, kelulusan akademik, kelulusan ikhtisas dan pendedahan kursus KBAT.
- 1.5.2 Mengenal pasti hubungan tahap kefahaman guru Bahasa Cina dengan tahap penerapan KBAT di bilik darjah.
- 1.5.3 Mengenal pasti hubungan antara tahap kefahaman guru Bahasa Cina dengan strategi pengajaran yang diamalkan oleh guru.
- 1.5.4 Mengenal pasti hubungan antara tahap kefahaman guru Bahasa Cina terhadap KBAT dengan sikap guru yang mengamalkan pemikiran murid.

1.6 Soalan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menjawab soalan-soalan kajian seperti yang berikut:

- 1.6.1 Adakah terdapat perbezaan tahap kefahaman guru Bahasa Cina terhadap KBAT berdasarkan lima kategori pengalaman mengajar?
- 1.6.2 Adakah terdapat perbezaan tahap kefahaman guru Bahasa Cina terhadap KBAT mengikut kelulusan akademik?

- 1.6.3 Adakah terdapat perbezaan kefahaman guru Bahasa Cina terhadap KBAT mengikut kelulusan ikhtisas?
- 1.6.4 Adakah terdapat perbezaan tahap kefahaman guru Bahasa Cina terhadap KBAT berdasarkan pendedahan kursus KBAT?
- 1.6.5 Adakah terdapat hubungan antara tahap kefahaman guru Bahasa Cina dengan tahap penerapan KBAT di bilik darjah?
- 1.6.6 Adakah terdapat hubungan antara tahap kefahaman guru Bahasa Cina dengan strategi pengajaran yang diamalkan oleh guru?
- 1.6.7 Adakah terdapat hubungan antara tahap kefahaman guru Bahasa Cina terhadap KBAT dengan sikap guru yang mengalakkan pemikiran murid ?

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian mengenai kemahiran berfikir aras tinggi dalam negara ini, kebanyakan berfokus kepada isu-isu dalam bidang sains dan matematik, biologi, kimia dan fizik, kajian kemahiran berfikir aras tinggi dalam bidang bahasa adalah amat kurang. Oleh itu, kajian ini akan membuka ruang yang baru dalam bidang bahasa moden untuk menjalankan kajian. Tambahan pula, kebanyakan kajian kemahiran berfikir aras tinggi hanya membuat perbincangan terhadap teori-teori sahaja dan tidak membincangkan kemahiran berfikir aras tinggi dengan lebih mendalam. Dengan yang demikian, kajian ini yang

meninjau pelaksanaan kemahiran berfikir aras tinggi dalam pembelajaran dan pemudahcaran bahasa Cina di sekolah menengah dapat memberi impak atau idea baharu dalam pelaksanaan KBAT sekian lama ini.

Kajian ini diharapkan dapat menjadikan bahan rujukan dan gambaran kepada semua pihak dalam pendidikan untuk meninjau semula pelaksanaan KBAT yang kian lama dilaksanakan dalam sistem pendidikan di negara kita dengan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk menambahbaikkan lagi pengetahuan dan mengaplikasikan guru Bahasa Cina dalam pelaksanaan KBAT di sekolah menengah. Kajian ini perlu untuk memperolehi data yang berhubungkait tentang masalah-masalah yang dihadapi dalam pelaksanaan KBAT sejak tahun 2013 dalam pembelajaran dan pemudahcaraan Bahasa Cina di Sekolah Menengah.

Memandangkan masalah yang dinyatakan telah timbul dalam PdPc Bahasa Cina, maka langkah-langkah positif perlu diambil bagi mengatasi masalah PdPc Bahasa Cina khasnya di peringkat sekolah menengah agar masalah ini tidak berterusan dan menjejaskan penguasaan KBAT dalam kalangan murid-murid. Diharap hasil kajian ini sedikit sebanyak boleh membantu serta menilai pelaksanaan KBAT dalam kurikulum Bahasa Cina sekolah menengah agar selaras dengan kurikulum baharu.

Selain itu, pengkaji juga berharap agar dapatan kajian ini dapat menjadikan bahan rujukan kepada pihak-pihak seperti:

1.7.1 Bahagian Pembangunan Kurikulum

Kajian ini dapat menjadi panduan kepada Bahagian Pembangunan Kurikulum dalam usaha mempertingkatkan mutu dan taraf pendidikan dengan penggubalan dan pembangunan kurikulum serta membuka ruang dalam usaha pengkajian penggunaan strategi-strategi baharu bagi penambahbaikan, pengemaskinian, penilaian, pengubahsuaian strategi dan teknik PdPc yang bersesuaian dengan perkembangan dari semasa ke semasa.

1.7.2 Institusi Pendidikan

Hasil kajian tinjauan pelaksanaan KBAT dalam PdPc Bahasa Cina diharapkan dapat menjadi bahan sumber kepada institusi pendidikan seperti Universiti Pendidikan Sultan Idris, maktab-maktab perguruan di Malaysia agar dapat meningkatkan pembelajaran dan pemudahcaraan KBAT dalam mata pelajaran Bahasa Cina kepada bakal guru supaya mereka menguasai cara-cara penerapan KBAT dalam subjek yang diajar.

1.7.3 Bahagian Buku Teks

Hasil kajian ini dapat memberi idea dan pandangan kepada Bahagian Buku Teks agar menyunting kandungan yang selari dengan kehendak sukatan KSSM bagi mengukuhkan potensi guru dan murid supaya dapat mencapai kejayaan cemerlang di peringkat sekolah menengah.

1.7.4 Guru-guru

Kajian ini bukan sahaja memberi pengetahuan kepada guru untuk meninjau tahap pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) malahan ia juga memberi kesedaran betapa pentingnya penerapan KBAT dalam pembelajaran dan pemudahcaraan Bahasa Cina di sekolah menengah. Tahap kemahaman guru yang tinggi tentang konsep kemahiran berfikir aras tinggi dalam proses pengajaran dapat memberi impak positif kepada para guru untuk membentuk rasional dan pengkonsepan rangka kerja pengajaran yang berlandaskan kemahiran berfikir aras tinggi dalam proses pengajaran.

1.8 Batasan Kajian

Kajian ini dijalankan terhadap guru-guru Bahasa Cina yang mengajar di sekolah-sekolah Menengah yang terdiri daripada Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK) dan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) di negeri Selangor sahaja. Terdapat 147 buah Sekolah Menengah Kebangsaan dan Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan yang menawarkan mata pelajaran Bahasa Cina di bawah seliaan Jabatan Pendidikan Selangor. Antara 147 buah sekolah ini 144 buah Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) dan 3 buah Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK).

Batasan-batasan yang dapat disenaraikan adalah seperti berikut:

- i. Kajian ini terbatas kepada komponen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam kalangan guru Bahasa Cina yang mengajar mata pelajaran Bahasa Cina di sekolah menengah sahaja.
- ii. Kajian ini terbatas kepada Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) pada guru-guru Bahasa Cina yang mengajar di Sekolah Menengah di Negeri Selangor.

- iii. Borang soal selidik dan temu bual akan digunakan sebagai instrumen pengumpulan data dalam kajian ini.
- iv. Kesahan Kandungan Soal Selidik diperolehi dari pemeriksaan, pandangan dan komen dari pensyarah Bahasa Cina di Institusi Perguruan , guru Bahasa Cina dan penolong pengarah Bahasa Cina di negeri Selangor.

1.9 Definisi Operasional

Dalam kajian ini, beberapa konsep penting akan digunakan:

1.9.1 Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)

Definisi kemahiran berfikir banyak dikemukakan oleh tokoh-tokoh pemikir yang mentakrifkan kemahiran berfikir sebagai proses menggunakan minda bagi membuat keputusan dan menyelesaikan masalah. Antaranya adalah seperti berikut:

Lewis dan Smith (1993) berpendapat apabila seseorang individu memperoleh maklumat baharu, memproses maklumat tersebut, membuat penilaian seterusnya membuat keputusan dan menyelesaikan masalah, ia merupakan proses KBAT.

Seterusnya Tomei (2005) berpendapat bahawa kemahiran menganalisis, sintesis, menilai dan menghasilkan sesuatu idea yang baharu merupakan kemahiran kognitif yang lebih tinggi dalam KBAT.

Menurut Taksonom Bloom (1956) Kemahiran berfikir dapat dibahagikan kepada Kemahiran Berfikir Aras Rendah (KBAR) dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi

(KBAT). Menurutnya pemikiran aras tinggi hanya boleh digembelikan dengan penggunaan objektif pengajaran aras tinggi. Kesan daripada guru menggunakan soalan dan objektif pengajaran aras rendah telah melahirkan murid-murid yang tidak kreatif dan kritis.

Kajian ini akan merujuk kepada definisi kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) yang ditakrifkan daripada Kementerian Pendidikan Malaysia iaitu kemahiran mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta.

1.9.2 Pelaksanaan

Merujuk Kamus Dewan Bahasa perbuatan atau hal melaksanakan sesuatu perkara. Dalam kajian yang dijalankan, pelaksanaan merupakan pelaksanaan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam kalangan guru Bahasa Cina di sekolah menengah.

1.9.3 Tahap Kefahaman

Tahap membawa maksud tingkat dan peringkat (Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015). Dalam konteks kajian ini merupakan tahap kefahaman guru di sekolah menengah negeri Selangor dapat mengalikasi KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah.

1.9.4 Pengajaran dan pembelajaran pemudahcaraan (PdPc)

Pengajaran dan pembelajaran merupakan satu proses Pengajaran adalah proses di mana peluang disediakan kepada murid dengan tujuan untuk menghasilkan suatu perubahan yang kekal melalui penglibatan dan pengalaman yang disediakan oleh guru. Mengikut Slavin (2005), pembelajaran merupakan perubahan dalam seseorang individu akibat daripada pengalaman. Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti (JNJK) telah menyediakan satu standard yang dikenali Standard Kualiti Pendidikan Malaysia gelombang 2 dimana Pembelajaran dan Pemudahcaraan (SKPMg2 S4) membolehkan mengukur kualiti pelaksanaan PdPc dalam bilik darjah atau luar bilik darjah. Pengajaran dan pembelajaran pemudahcaraan dalam kajian ini merujuk kepada bagaimana KBAT diaplikasikan dalam mata pelajaran Bahasa Cina di sekolah menengah negeri Selangor.

1.9.5 Guru Bahasa Cina

Kajian ini melibatkan guru Bahasa Cina di sekolah menengah yang menawarkan mata pelajaran elektif Bahasa Cina dari tingkatan 1 hingga tingkatan 5 di sekolah menengah kebangsaan dan sekolah menengah jenis kebangsaan negeri Selangor.

1.10 Rumusan

Sebagai kesimpulan, pelaksanaan kemahiran berfikir aras tinggi dalam pembelajaran dan pemudahcaraan Bahasa Cina di sekolah menengah adalah penting agar dapat meningkatkan kemahiran berfikir murid-murid di sekolah menengah supaya tahap kemahiran berfikir tidak ketinggalan pada tahap aras rendah sahaja. Guru sebagai pelaksana memainkan peranan yang penting dalam mencapai hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia dalam Pelan Pembangunan Baru yang sedang dilaksanakan. Diharapkan kajian ini dapat menjadi bahan rujukan atau cadangan kepada guru-guru Bahasa Cina di sekolah menengah untuk menambahbaik PdPc mereka di samping menerapkan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) kepada murid-murid yang merupakan tulang tiang negara.